

# سَمِينَتْ عِبَادَةَ قُرْبَانٍ

Seminar Ibadat Korban

TAJUK KERTAS KERJA  
**PEMILIHAN DAN  
PENYEMBELIHAN BINATANG KORBAN**

oleh

Yang Mulia Haji Mas Reduan bin Haji Jumat  
Pegawai Penyelidik Ugama Kanan  
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam

dan

Yang Mulia Haji Dennie bin Haji Abdullah  
Pegawai Istinbat Kanan  
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam

الله يعزّز عباده  
جَاهَاتٌ مُعْنَى كَلْجَان  
جَاهَاتٌ قَدْرَانْ مُنْتَهَى كَلْجَانْ بَطَلْ دَلَلْ دَلَلْ  
17 ذِي القعْدَة 1426 / 19 دِسِئِمْبِر 2005



## PEMILIHAN DAN PENYEMBELIHAN BINATANG KORBAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَقَهَ فِي الدِّينِ مَنْ أَرَادَ، وَجَعَلَ الْأَفْهَامَ أَرْزَاقًا نُقْسَمُ بَيْنَ الْعِبَادِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْهَادِي إِلَى سَبِيلِ الرَّشَادِ، وَعَلَى أَكْلِهِ وَصَحْبِهِ وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْمَعَادِ، أَمَّا بَعْدُ

### PENDAHULUAN

Ibadat korban merupakan ibadat yang sangat dituntut di dalam syariat Islam yang dihukumkan dengan *sunnah mu'akkadah*. Ia berperanan sebagai sebahagian platform bagi seseorang untuk menzahirkan kesyukuran kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di atas ni'mat yang dilimpahkanNya. Di samping itu, ia adalah sebahagian daripada syi'ar agama Allah yang mesti diagungkan dan dihormati. Allah *subhanahu wa ta'ala* menjelaskan bahawa mengagungkan dan menghormati syi'ar agama Allah itu adalah satu tanda ketakwaan hati orang-orang yang beriman.

Firman Allah Ta'ala:

وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعْبَرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

(Surah al-Hajj : 32)

**Tafsirnya:** “Dan sesiapa yang menghormati (membesarkan) syi'ar-syi'ar agama Allah, maka (ialah orang yang bertaqwa), kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.”

(*Surah al-Hajj*: 32)

Menurut Ibnu 'Abbas *radhiyallahu anhuma* sebagaimana yang diriwayatkan daripada beliau bahawa maksud “menghormati syi'ar-syi'ar agama Allah” dalam konteks ibadat korban ialah korban itu hendaklah dipilih dari binatang-binatang ternak yang gemuk dan baik sempurna keadaannya.

Jelas di sini tidak syak lagi, mengagungkan dan menghormati syi'ar agama Allah dalam konteks ibadat korban itu menghendaki pelaksanaan yang terbaik, sama ada dalam aspek pemilihan binatang, penyembelihannya, pengagihan dagingnya dan sebagainya. Untuk mencapai pelaksanaan yang terbaik perlu pula difahami dengan teliti aspek-aspek ibadat korban. Justeru, kertas kerja ini cuba memberi sedikit sebanyak maklumat mengenainya.

Namun kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada dua perkara; pertama, perbincangan akan ditumpukan kepada hal-hal yang berkaitan dengan kriteria yang mesti dijaga dalam aspek

pemilihan binatang yang hendak disembelih bagi tujuan ibadat korban. Kedua, perbincangan akan ditumpukan kepada persoalan penyembelihan binatang korban.

## PERTAMA: PEMILIHAN BINATANG KORBAN

Ada beberapa aspek yang mesti diambil perhatian dalam pemilihan binatang yang hendak dibuat korban yang diistilahkan sebagai syarat-syarat sah binatang korban. Syarat-syarat sah binatang korban itu ialah:

1. Binatang dari jenis *bahimah al-an'am*.
2. Cukup umur untuk dikorbankan.
3. Bebas daripada kecacatan atau aib.

### 1. Binatang dari jenis *bahimah al-an'am*<sup>1</sup>

Binatang korban itu mestilah terdiri dari jenis binatang yang dikatakan sebagai *bahimah al-an'am* iaitu:

- i. Unta atau yang sejenisnya
- ii. Lembu atau yang sejenisnya seperti kerbau dan sapi.
- iii. Kambing atau yang sejenisnya seperti biri-biri.

Firman Allah Ta'ala:

وَلَكُلُّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مِنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اَسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقْنَاهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ

(Surah al-Hajj : 34)

**Tafsirnya:** “Dan bagi tiap-tiap satu umat, kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaaanNya kepada mereka: binatang-binatang ternak yang disembelih itu.”

(Surah al-Hajj: 34)

Oleh itu, binatang yang bukan dikatakan sebagai *bahimah al-an'am* iaitu selain apa yang disebutkan di atas tidaklah sah untuk dijadikan sebagai ibadat korban.

Termasuk binatang yang sah dibuat korban ialah binatang yang lahir hasil campuran atau kacukan daripada dua jenis binatang yang disebutkan di atas, seperti unta dengan lembu atau lembu dengan biri-biri atau kambing biasa dengan biri-biri atau sebagainya. Adapun binatang binatang yang lahir dari hasil campuran atau kacukan daripada salah satu jenis binatang yang dikatakan sebagai *bahimah al-an'am* dengan binatang yang lain, seperti kambing dengan kijang atau sebagainya adalah tidak sah dibuat korban.

---

<sup>1</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 364. Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, ttp., t.th., jil. 4, hlm. 284.

## Kadar Atau Bilangan Binatang Yang Memadai Dibuat Korban<sup>2</sup>

Dari kelompok binatang yang disebutkan di atas, seekor unta, lembu atau kerbau boleh dikongsi oleh tujuh orang, sama ada perkongsian itu terdiri daripada ahli keluarga ataupun daripada orang lain. Ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir *radhiyallahu 'anhu* berkata:

خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُهَلِّيْنَ بِالْحَجَّ فَأَمْرَكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَشْتُرِكُ فِي الْإِبْلِ وَالْبَقَرِ كُلُّ سَبْعَةٍ مِنَّا فِي بَدْنَةٍ.

(رواه مسلم والترمذی والنسائی وأبو داود وابن ماجه وأحمد والدارمي)

**Maksudnya:** "Kami keluar bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam (dari Madinah) mengucapkan tahlil (لا إله إلا الله), dengan berniat untuk mengerjakan haji, maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menyuruh kami supaya berkongsi seekor unta dan lembu, seekor badanah (unta atau lembu, disebut badanah kerana besar dan gemuknya) bagi setiap tujuh orang daripada kami."

(Hadis riwayat Muslim, at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad dan ad-Darimi )

Perkongsian itu pula tidak disyaratkan semuanya bermaksud untuk ibadah korban. Oleh itu, boleh saja di kalangan mereka yang berkongsi sebilangannya bermaksud untuk korban, sebilangan yang lain pula bermaksud untuk aqiqah dan sebilangan yang lain lagi bermaksud semata-mata mahukan dagingnya sahaja.

Sementara seekor kambing pula hanya boleh dikorbankan untuk seorang sahaja. Akan tetapi harus berkongsi dengan orang lain dalam pahala berkorban dengan seekor binatang korban itu. Ini adalah berdasarkan amalan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, di mana baginda telah menyembelih dua ekor *kibasy* dan baginda berdoa:

اللَّهُمَّ تَقْبَلُ مِنْ مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ.

(رواه مسلم وأبو داود وأحمد)

**Maksudnya:** "Ya Allah! Mohon terima (korban) daripada Muhammad dan daripada keluarga Muhammad."

(Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan Ahmad)

Sementara seekor binatang yang lahir hasil campuran atau kacukan daripada dua jenis binatang yang dikatakan sebagai *bahimah al-an'am*, seperti unta dengan lembu atau lembu dengan kambing atau sebagainya hanya memadai untuk seorang sahaja dan tidak boleh dibuat perkongsian.

<sup>2</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th, jil. 8, hlm. 369-370; asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th, jil. 4, hlm. 285.

## 2. Cukup Umur Untuk Dikorbankan

Di antara syarat sah binatang yang hendak dibuat korban itu hendaklah ianya cukup umur. Daripada Jabir *radhiyallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *shallallahu alaihi wasallam* bersabda:

لَا تَذْبَحُوا إِلَّا مُسِنَةً إِلَّا أَنْ يَعْسِرَ عَلَيْكُمْ فَتَذْبَحُوا جَذَعَةً مِنَ الظَّانِ.

(رواه مسلم والنسانی وأبو داود وابن ماجه وأحمد)

**Maksudnya:** “Jangan kamu menyembelih binatang melainkan *musinnah* kecuali jika kamu sukar mendapatkannya, maka sembelihlah jadza ‘ah daripada biri-biri.”  
(Hadis riwayat Muslim, an-Nasa’i, Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad)

Yang dimaksudkan dengan “*musinnah*” itu ialah binatang ternakan daripada unta, lembu dan kambing yang gugur gigi hadapannya sebagai tanda mencapai usia dewasa ataupun yang mencapai usia lebih tua daripada itu.

Manakala “jadza ‘ah” pula ialah anak kambing biri-biri yang berumur 6 bulan hingga 1 tahun.

Oleh itu, ukuran umur bagi binatang korban itu adalah seperti berikut:

- i. Unta yang gugur gigi hadapannya ialah yang telah sempurna umurnya lima tahun dan masuk tahun keenam.
- ii. Lembu dan kambing yang gugur gigi hadapannya ialah yang telah sempurna umurnya dua tahun dan masuk tahun ketiga.
- iii. Manakala kambing biri-biri memadai yang berumur cukup satu tahun atau yang gugur gigi hadapannya walaupun belum cukup umurnya satu tahun dengan syarat telah melebihi umurnya enam bulan.
- iv. Manakala binatang yang lahir hasil campuran atau kacukan daripada dua jenis binatang yang dikatakan sebagai *bahimah al-an'am* sukatan umurnya adalah mengikut umur yang tertinggi daripada umur kedua ibu bapanya. Sebagai contoh, binatang yang lahir hasil campuran kambing biasa dengan biri-biri, maka ukuran umur yang memadai untuk dibuat korban ialah apabila ianya berumur dua tahun dan masuk tiga tahun, kerana mengikut sukatan umur kambing biasa. Oleh itu, tidak memadai dibuat korban jika ia masih berumur kurang dari dua tahun.<sup>3</sup>

Secara ringkasnya disenaraikan binatang korban dan umurnya seperti carta di bawah:

<sup>3</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 365-366; asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.t.p., t.th., jil. 4, hlm. 284; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 551-552.

<b>Binatang Korban</b>	<b>Umur Minimum</b>
Unta	5 Tahun
Lembu	2 Tahun
Kerbau	2 Tahun
Kambing	2 Tahun
Biri-biri	Setahun atau telah gugur gigi hadapannya sesudah ia berumur enam bulan.
Binatang kacukan	Umur yang tertinggi daripada umur kedua ibu bapanya

### 3. Bebas Daripada Kecacatan atau Aib

Antara syarat sah binatang korban ialah binatang yang hendak dibuat korban itu mestilah bebas daripada kecacatan atau aib yang boleh mengurangkan daging, lemak atau anggotanya yang lain yang boleh dimakan.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menjelaskan di dalam sebuah hadis tentang ciri-ciri yang disifatkan sebagai kecacatan yang terdapat pada binatang yang tidak sah untuk dijadikan sebagai binatang korban sebagaimana yang diriwayatkan daripada al-Bara' bin 'Azib *radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَرْبَعٌ لَا تَجُوزُ فِي الْأَضَاحِيِّ فَقَالَ: الْعُورَاءُ بَيْنَ عَوْرَهَا، وَالْمَرِيضَةُ بَيْنَ مَرَضُهَا، وَالْعَرْجَاءُ بَيْنَ طَلْعَهَا، وَالْكَسِيرُ الَّتِي لَا تَنْقَى.

(رواه أبو داود والترمذى والشافعى وأبي ماجه وأحمد والدارمى)

**Maksudnya:** "Empat perkara yang tidak boleh terdapat pada binatang korban itu, lalu Baginda bersabda: "Buta sebelah mata yang nyata butanya, sakit yang nyata penyakitnya, tempang yang nyata tempangnya dan yang sangat kurus."

(Hadis riwayat Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan Ibnu Majah, Ahmad dan ad-Darimi)

Daripada hadis di atas dapat difahami bahawa binatang yang tidak sah dijadikan korban itu ialah :

- Binatang yang buta sebelah mata atau kedua belah matanya sekalipun biji matanya masih ada. Jika matanya itu hanya terdapat sedikit kecacatan seperti sedikit rabun tetapi ia masih boleh melihat atau yang hanya boleh melihat pada waktu siang tanpa malam, maka ia sah dibuat korban.
- Binatang yang nyata sakitnya sehingga menyebabkannya menjadi kurus dan mengurangkan dagingnya. Tetapi jika ia mengalami sakit yang ringan sahaja dan tidak mengurangi dagingnya, maka ia masih sah dibuat korban.

- iii. Binatang yang jelas tempang kakinya, di mana jika ia berjalan bersama-sama sekumpulan kawan-kawan binatang yang lain di padang rumput untuk mencari makanan, ia tidak dapat ikut berjalan bersama dengan binatang-binatang itu, bahkan ia tertinggal jauh di belakang. Jika ia hanya mengalami sedikit tempang yang tidak menghalangnya daripada mengikuti kawan-kawannya, maka ia masih sah dibuat korban.
- iv. Binatang yang sangat kurus. Puncanya kadang-kadang kerana lanjut umur atau kerana sakit atau sememangnya kurus semenjak lahir.<sup>4</sup>

Selain itu, para ulama telah menyebutkan beberapa keaiban atau kecacatan yang boleh menafikan kesahihan ibadat korban *diqiyaskan* kepada kecacatan-kecacatan yang disebutkan secara jelas di dalam hadis. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Binatang yang berpenyakit gila.
- ii. Binatang yang mempunyai penyakit kurap dan bisul, walaupun sedikit.
- iii. Binatang yang putus telinganya walaupun sedikit atau yang tidak bertelinga semenjak lahir, kerana telah hilang sebahagian anggota yang boleh dimakan dan mengurangkan dagingnya. Tetapi tidak mengapa jika telinganya koyak atau berlubang dengan syarat tidak gugur daripada dagingnya walaupun sedikit. Tidak mengapa juga binatang yang diseterika telinganya atau anggotanya yang lain dengan besi panas. Binatang yang mempunyai telinga yang kecil juga adalah memadai dibuat korban.
- iv. Binatang yang terpotong ekornya walaupun sedikit. Adapun yang dilahirkan tanpa berekor (semulajadi) adalah sah dibuat korban. Begitu juga adalah sah dibuat korban binatang yang dilahirkan tanpa ambing (puting) susu.
- v. Binatang yang terpotong sebahagian lidahnya.
- vi. Binatang yang gugur semua giginya. Adapun yang gugur sebahagian giginya dan tidak menghalangnya daripada memakan rumput serta tidak mengurangkan dagingnya (tidak menyebabkannya menjadi kurus) boleh dibuat korban. Begitu juga yang tidak bergigi semenjak dilahirkan boleh dibuat korban.
- vii. Binatang yang terpotong suatu yang nyata daripada pahanya seperti dimakan oleh binatang buas dan sebagainya. Adapun binatang yang dikebiri adalah sah dibuat korban.
- viii. Binatang yang bunting, kerana bunting itu mengurangkan dagingnya. Adapun binatang yang baru melahirkan anak, menurut pendapat Imam Ibnu Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *rahimahumallah*, boleh dibuat korban.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 373-374; Ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th., jil. 8, hlm. 134-136; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar ak-Fikr, t.t.p., t.th., jil. 4, hlm. 286-287.

<sup>5</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 373-375; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar ak-Fikr, t.t.p., t.th., jil. 4, hlm. 286-287; Ibnu Hajar al-Haitami, *Tuhfah al-Muhtaj*, Dar Shadir, Beirut, t.th., jil. 9, hlm. 351-353; Ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th., jil. 8,

## Perkara-Perkara Yang Disunatkan Dalam Binatang Korban

Adapun perkara-perkara yang disunatkan dalam binatang korban itu ialah:

- i. Jika dilihat dari segi keutamaan dari jenis binatang ternakan yang boleh dikorbankan itu, adalah afdal bagi seseorang itu berkorban dengan seekor unta. Ini kerana daging unta pada kebiasaannya lebih banyak untuk dibahagikan kepada fakir miskin berbanding lembu. Kemudian, berkorban dengan seekor lembu atau kerbau lebih afdal daripada kambing. Kemudian, berkorban dengan seekor biri-biri lebih afdal daripada kambing biasa, kerana daging biri-biri lebih bagus daripada kambing biasa.
- ii. Berkorban dengan tujuh ekor kambing adalah lebih utama berbanding berkorban dengan seekor unta atau lembu, kerana daging kambing lebih baik dan lebih banyak darah yang tumpah ketika disembelih.
- iii. Berkorban dengan seekor kambing pula lebih utama berbanding berkorban dengan seekor lembu atau unta yang dikongsi oleh tujuh orang.
- iv. Disunatkan binatang korban itu mempunyai badan yang gemuk lagi besar bersesuaian dengan anjuran untuk mengagungkan syiar berkorban. Salah satu cara untuk mengagungkan syiar berkorban itu ialah dengan memilih binatang korban yang besar lagi gemuk. Firman Allah:

وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعْرَبَرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَىٰ الْقُلُوبِ

(سورة الحج: ٣٢)

**Tafsirnya:** “Dan sesiapa yang menghormati (membesarkan) syi'ar-syi'ar agama Allah, maka (ialah orang yang bertaqwa), kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.”

(Surah al-Hajj: 32)

Imam Syafi'i *radhiyallahu 'anhu* berkata: “Memperuntukkan nilai harga yang tinggi (untuk membeli seekor binatang korban yang bermutu baik) lebih utama berbanding memperbanyakkan kuantiti binatang korban.” Oleh itu, seorang yang mempunyai beberapa jumlah wang yang mencukupi untuk membeli seekor kambing yang gemuk atau dua ekor kambing yang kurang gemuk adalah lebih utama baginya membeli seekor yang gemuk berbanding membeli dua ekor yang kurang gemuk untuk dibuat korban.

- v. Dari aspek warna pula, afdalnya binatang korban itu ialah yang berwarna putih, kemudian yang berwarna kuning, kemudian yang putih tetapi yang tidak bersih putihnya, kemudian yang berwarna merah, kemudian yang sebahagian badannya berwarna putih dan yang sebahagiannya berwarna hitam, kemudian yang berwarna hitam.

---

hlm. 134-136; Asy-Syabramallisi, *Hasyiyah asy-Syabramallisi*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th., jil. 8, hlm. 136; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 553-554.

vi. Adalah afdal binatang korban itu yang jantan, kerana dagingnya adalah lebih bagus.

vii. Adalah afdal juga binatang korban itu yang bertanduk.<sup>6</sup>

Keutamaan berkorban dengan kambing berbanding dengan seekor lembu atau unta yang dikongsi oleh tujuh orang, berkorban dengan binatang yang berwarna putih, yang jantan dan yang bertanduk, kerana ciri-ciri tersebut adalah merupakan ciri-ciri binatang korban yang dibuat oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang tersebut di dalam beberapa riwayat, antaranya:

Diriwayatkan daripada Anas *radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

ضَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبِشِينِ أَمْلَحَيْنِ أَفْرَتَيْنِ .....

(رواه البخاري ومسلم)

**Maksudnya:** "Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* membuat korban dengan dua ekor kambing biri-biri yang berwarna putih lagi yang bertanduk....."

(*Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

Diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

ضَحَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشٍ أَفْرَنَ فَحِيلٍ .....

(رواه الترمذى والنسائى وأبو داود وابن ماجه)

**Maksudnya:** "Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* membuat korban dengan seekor kambing biri-biri yang bertanduk lagi yang kuat (jantan)....."

(*Hadis riwayat at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud dan Ibnu Majah*)

### Perkara-Perkara Yang Makruh Dalam Binatang Korban<sup>7</sup>

Adapun perkara-perkara yang makruh dalam binatang korban itu pada amnya ialah binatang yang mempunyai aib atau kecacatan yang tidak menjelaskan syarat sah berkorban seperti tidak bertanduk semenjak lahir, patah tanduknya, hilang lapisan luar tanduknya, terbelah telinganya tetapi tidak hilang sesuatu pun dari telinga itu atau yang berlubang telinganya tetapi tidak hilang sesuatupun dari telinga itu. Ini kerana semua perkara-perkara tersebut mengaibkan keadaan binatang tersebut. Diriwayatkan daripada 'Ali bin Abi Thalib *karramallahu wajhahu*, beliau berkata:

<sup>6</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th, jil. 8, hlm. 369; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 284-286; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 551, 557.

<sup>7</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th, jil. 8, hlm. 376; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 287; *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, Dar ash-Shafwah, Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah Kuwait, 1414H/1993, jil. 5, hlm. 100.

أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَسْتَشْرِفَ الْعَيْنَ وَالْأَذْنَ، وَأَنْ لَا نُضَحِّيَ بِمُقَابَلَةٍ وَلَا مُدَابَرَةٍ وَلَا شَرْقَاءَ وَلَا خَرْقَاءَ.

(رواه الترمذى والنمسانى وأبو داود وابن ماجه وأحمد)

**Maksudnya:** "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menyuruh kami mempastikan keelokan mata dan telinga (binatang korban), dan Baginda tidak membenarkan kami membuat ibadat korban dengan binatang yang terbelah di bahagian hijung telinganya, tidak pula yang terbelah di bahagian pangkal telinganya, tidak pula yang terbelah telinganya dengan membujur dan tidak pula yang berlubang telinganya."

(*Hadis riwayat at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad*)

Sungguhpun demikian, binatang yang mempunyai salah satu atau beberapa ciri yang disebutkan ini walaupun dihukumkan makruh atau tidak digemari untuk dijadikan ibadat korban, akan tetapi jika ianya dibuat korban juga tidaklah menafikan kesahihan ibadat tersebut, bahkan ianya adalah memadai. Larangan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang tersebut di dalam hadis di atas adalah hanya dalam peringkat makruh sahaja.

## KEDUA: PENYEMBELIHAN BINATANG KORBAN

Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan di dalam penyembelihan binatang korban seperti niat, apa yang disunatkan sebelum membuat korban, waktu penyembelihan binatang korban, cara penyembeliannya, perkara-perkara yang sunat dan makruh dilakukan dalam penyembelihan.

### Niat Berkorban<sup>8</sup>

Disyaratkan orang yang berkurban itu berniat korban ketika menyembelih, kerana ianya adalah ibadat dan ibadat tidak sah melainkan dengan niat. Namun begitu, harus juga mendahului niat itu sebelum dia menyembelih dengan syarat:

- i. Hendaklah dia berniat sesudah ditetapkan atau ditentukan binatang korbannya.
- ii. Hendaklah dia berniat setelah masuk waktu penyembelihan binatang korban, iaitu bermula selepas naik matahari pada Hari Raya Adha (10 Zulhijjah) sekadar berlalu sembahyang dua rakaat dan dua khutbah yang ringkas dan berlanjutan sehingga terbenam matahari pada akhir hari Tasyriq iaitu hari ke 13 Zulhijjah.

Oleh itu, orang berkurban yang mewakilkan urusan pembelian dan penyembelihan binatang korbannya kepada orang lain ketika sebelum masuk waktu penyembelihan korban, hendaklah dia berniat berkurban sebaik saja masuk waktu penyembelihan sekalipun dia tidak berada di hadapan binatang korbannya.

Apa yang mesti diambil perhatian dalam hal berniat korban ini, untuk mengelakkan ibadah korban seseorang itu jatuh menjadi korban wajib, hendaklah ditentukan niat itu sebagai

<sup>8</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 381; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 289-290. Ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th., jil. 8, hlm. 140; Ba'asyan, *Busyra al-Karim*, Dar al-Fikr, Beirut, 1412H/1992, hlm. 640; Al-Bakri, *Hasyiyah I'amah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. ٥٠٢ & ٥٥٥.

korban sunat, kerana apabila seorang itu bermiat dengan semata-mata ibadah korban tanpa memasukkan niat korban sunat, maka ibadah korban itu akan jatuh menjadi korban wajib. Apabila korban itu jatuh menjadi korban wajib, maka adalah haram bagi orang yang berkorban memakan daging korban tersebut, bahkan wajib disedekahkan semua daging tersebut kepada fakir miskin.

Niat tempatnya di hati dan sunat melafazkannya dengan lidah. Contoh niat bagi korban sunat itu ialah:

تَوْيِيتُ الْأَضْحِيَّةِ الْمَسْنُونَةِ.

**Maksudnya:** “*Sahaja aku melakukan korban yang sunat.*”

Bagi orang yang berwakil kepada seseorang untuk menyembelih binatang korbannya, boleh dia bermiat ketika dia menyerahkan binatang korbannya ataupun ketika wakilnya menyembelih binatang korbannya. Dalam hal ini, niat orang yang berwakil itu adalah memadai dan wakil tidak perlu lagi bermiat.

Di samping itu, harus juga orang yang berwakil menyuruh wakilnya bermiat bagi pihak dirinya dengan syarat wakil itu adalah orang Islam dan *mumayyiz*. Contoh niatnya ialah:

تَوْيِيتُ الْأَضْحِيَّةِ الْمَسْنُونَةِ عَنْ فُلَانِ بْنِ فُلَانٍ.

**Maksudnya:** “*Sahaja aku melakukan korban sunat untuk si polan bin polan.*”

### Perkara Yang Disunatkan Bagi Orang Berkorban

- i. Apabila masuk 10 Zulhijjah, disunatkan bagi orang yang hendak membuat korban untuk dirinya supaya tidak memotong sesuatu daripada anggotanya yang zahir seperti rambut, kuku atau lain-lain sehinggalah dia selesai menjalankan upacara korban itu. Hikmatnya supaya keampunan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu akan diperolehi secara menyeluruh termasuk keseluruhan anggota-anggota dirinya ketika menyembelih korban sebagaimana riwayat daripada Ummu Salamah *radhiyallahu anha* bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ وَعِنْهُ أَضْحِيَّةٌ يُرِيدُ أَنْ يُضْحِيَ فَلَا يَأْخُذُنَّ شَعْرًا وَلَا يَقْلِمُنَّ ظُفْرًا.

(رواه مسلم)

**Maksudnya:** “*Apabila telah masuk 10 Zulhijjah dan seseorang itu mempunyai binatang korban yang hendak dikorbankan, maka janganlah dia memotong rambut dan kuku.*”

(*Hadis riwayat Muslim, at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad dan ad-Darimi*)

- ii. Orang yang berkorban itu menyembelih sendiri binatang korbannya jika dia pandai menyembelih kecuali bagi perempuan, adalah disunatkan baginya mewakilkan penyembelihan binatang korbannya kepada orang lelaki. Ini adalah berdasarkan

bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam telah menyembelih sendiri binatang korbannya. Anas radhiallahu 'anhu meriwayatkan:

صَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبِشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ فَرَأَيْتُهُ وَاضْعَاعًا قَدْمَةً عَلَى صِفَاحِهِمَا يُسَمِّي وَيُبَكِّرُ فَذَبَحَهُمَا يَدِهِ.

(رواه البخاري ومسلم والترمذی والنسائی وأبو داود وابن ماجه وأحمد والدارمی)

**Maksudnya:** "Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berkurban dengan dua ekor kambing biri-biri yang berwarna putih dan aku (Anas radhiallahu 'anhu) melihatnya meletakkan kakinya di tengkuk keduanya sambil membaca basmalah, takbir, kemudian baginda menyembelih keduanya dengan tangannya"  
(Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daoud, Ibnu Majah, Ahmad dan ad-Darimi)

Jika orang lain yang menyembelihkan korbannya, disunatkan orang yang menyembelih itu seorang yang faqih (tahu selok belok penyembelihan dan ibadat korban)

- iii. Hadir menyaksikan penyembelihan binatang korban jika orang lain yang menyembelihkan korbannya. 'Imran bin Hushain radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada Sayyidatuna Fatimah radhiallahu 'anha:

يَا فَاطِمَةُ قُومِي إِلَى أَضْحِيَّكَ فَأَشْهَدِيهَا ، فَإِنَّهُ يُغْرِي لَكَ عِنْدَ أُولَئِكَ قَطْرَةً مِنْ دَمِهَا كُلُّ ذَنْبٍ عَمِلْتَهُ ، وَقُولِي: إِنَّ صَلَاتِي وَسُسْكِي وَمَحْيَيِّي وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَبِنَلَكَ أَمْرَتُ ، وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

(رواه الحاکم)

**Maksudnya:** "Wahai Fatimah! Pergilah ke tempat (penyembelihan) korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya ketika titisan darahnya yang pertama itu akan diampunkan setiap dosa yang telah engkau lakukan dan bacalah (ketika binatangmu disembelih) "Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya bagi Allah Tuhan seru sekalian alam. Tiada sekutu bagiNya dan demikianlah aku diperintahkan dan aku tergolong daripada golongan orang-orang Islam.

(Hadis riwayat al-Hakim)

- iv. Orang yang berkurban itu sendiri mengagih-agihkan daging korbannya.
- v. Memakan sedikit (beberapa suap) daging sembelihan korbannya yang sunat untuk bertujuan mengambil berkat, sebagaimana firman Allah:

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

(سورة الحج: ٢٨)

**Tafsirnya:** “*Makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.*”

(*Surah al-Hajj: 28*)

Manakala daging yang afdal untuk dimakan itu ialah hati sebagaimana Ibnu Buraidah *radhiyallahu anhu* meriwayatkan daripada bapanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ يَوْمُ الْفَطْرِ لَمْ يَخْرُجْ حَتَّى يَأْكُلَ شَيْئًا، وَإِذَا كَانَ الْأَضْحَى لَمْ يَأْكُلْ شَيْئًا حَتَّى يَرْجِعَ، وَكَانَ إِذَا رَجَعَ أَكْلَ مِنْ كَبِيدِ أَضْحِيَتِهِ.

(رواه البيهقي)

**Maksudnya:** “Apabila masa Hari Raya Fitrah, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam tidak akan keluar (meninggalkan rumah) kecuali baginda makan sesuatu. Bilamana masa Hari Raya Adha baginda tidak akan makan sesuatu pun sehingga baginda pulang (ke rumah). Apabila baginda pulang (ke rumah) baginda memakan daging hati daripada binatang korbannya.

(*Hadis riwayat al-Baihaqi*)

v. Tidak memakan melebihi satu pertiga dari daging sembelihan korban sunatnya.<sup>9</sup>

### Waktu Penyembelihan Binatang Korban<sup>10</sup>

Penyembelihan binatang korban itu bermula selepas naik matahari pada Hari Raya Adha (10 Zulhijjah) sekadar berlalu sembahyang dua rakaat dan dua khutbah yang ringkas dan berlanjutan sehingga terbenam matahari pada akhir hari Tasyriq iaitu hari ke 13 Zulhijjah. Daripada Jubair bin Muth'im *radhiyallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

كُلُّ مِنْيَ مَنْحُرٍ وَكُلُّ أَيَامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ.

(رواه البيهقي والدارقطني وابن حبان)

**Maksudnya:** “Seluruh tanah Mina itu adalah tempat penyembelihan dan semua hari-hari Tasyriq itu adalah waktu penyembelihan.”

(*Hadis riwayat al-Baihaqi, ad-Daraquthni dan Ibnu Hibban*)

Daripada Jundub bin ‘Abdullah *radhiyallahu anhu* meriwayatkan pula:

<sup>9</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 362-363, 380-381 & 391. Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 283-284, 290-291; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. ٥٦-٥٥٧

<sup>10</sup>An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 357-359; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 287-288; Ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th., jil. 8, hlm. 136; Asy-Syabramallisi, *Hasyiah asy-Syabramallisi*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th., jil. 8, hlm. 136 & 138; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. ٥٢-٥٥٣

صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ التَّحْرِيرِ ثُمَّ حَطَبَ ثُمَّ ذَبَحَ قَبْلَ أَنْ يُصْلَى فَلَيْذِبْحُ  
أُخْرَى مَكَانَهَا ، وَمَنْ لَمْ يَذْبَحْ فَلَيْذِبْحُ بِاسْمِ اللَّهِ .

(رواه البخاري ومسلم والنسائي وأبي ماجه وأحمد)

**Maksudnya:** “Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam bersembahyang pada Hari Raya Korban. Kemudian baginda berkhatbah, kemudian baginda menyembelih (korban) lalu bersabda: ‘Sesiapa yang menyembelihnya sebelum dia bersembahyang (Hari Raya), maka hendaklah dia menyembelih yang lain sebagai gantinya, dan sesiapa yang belum menyembelihnya, maka hendaklah dia menyembelihnya dengan menyebut nama Allah.’”

(Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, an-Nasa'i, Ibnu Majah dan Ahmad)

Jika penyembelihan dibuat sebelum waktu tersebut di atas, tidaklah ia dikira korban. Al-Bara' bin 'Azib radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنْ أَوْلَ مَا تَبْدِأْ بِهِ فِي يَوْمَنَا هَذَا أَنْ تُصْلِيَ ثُمَّ تَرْجِعَ فَتَنْحِرَ، مَنْ فَعَلَهُ فَقَدْ أَصَابَ سُنْتَنَا، وَمَنْ ذَبَحَ  
قَبْلُ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ قَدَّمَهُ لَأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ الشُّعُوكِ فِي شَيْءٍ.

(رواه البخاري ومسلم والنسائي وأبو داود وأحمد)

**Maksudnya:** “Bahawa yang mula-mula kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Adha), ialah kami memulakan sembahyang, kemudian kami balik ke rumah, selepas itu kami menyembelih korban. Maka sesiapa yang membuat seperti yang demikian itu, dia memperolehi sunat (ibadat) kami, dan sesiapa yang menyembelih sebelum itu (sebelum sembahyang) sesungguhnya itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarganya, tidak termasuk dalam ibadat korban.”

(Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, an-Nasa'i, Abu Daud dan Ahmad)

Begitu juga jika seseorang menyembelih selepas terbenam matahari 13 Zulhijjah, maka luputlah dia daripada ibadat korban. Jika disembelih pada tahun hadapannya pada waktu korban, maka yang demikian itu adalah dikira korban pada tahun dia menyembelih itu dan tidak dikira sebagai korban bagi tahun yang telah luput.

Jika yang luput itu korban nazar, maka wajib ke atas orang yang bernazar itu menyembelih korbannya dengan segera selepas hari-hari Tasyriq sebagai qadha yang luput itu. Imam ar-Rafi'e rahimahullah berkata, pendapat ini adalah bertepatan dengan pendapat yang dipetik oleh Imam ar-Ruyani rahimahullah daripada para ulama mazhab Syafi'e sebagai berkata: “Sesungguhnya menyembelih binatang korban itu tidak harus dilakukan selepas hari-hari Tasyriq kecuali dalam satu keadaan, iaitu apabila seseorang mewajibkan korban pada hari-hari Tasyriq atau sebelumnya dan dia tidak menyembelih binatang korban itu sehingga lalu waktu berkurban, maka hendaklah dia menyembelihnya sebagai qadha.”

Penyembelihan binatang korban pada hari-hari yang dijelaskan di atas boleh dibuat sama ada pada waktu siang ataupun waktu malam. Akan tetapi penyembelihan yang dilakukan pada waktu malam hukumnya adalah makruh, kecuali jika terdapat kepentingan atau keperluan

tertentu, seperti terdapat kesibukan di siang hari yang tidak membolehkan seseorang itu menyembelih pada waktu siang ataupun melihat kepada masa kelapangan orang-orang fakir di mana mereka mungkin lebih mudah datang pada malam hari untuk menerima agihan daging korban dan sebagainya.

### **Cara Menyembelih Binatang Korban**

Cara menyembelih binatang korban adalah sama seperti cara menyembelih binatang-binatang lain yang mempunyai rukun dan syarat-syaratnya.

Rukun penyembelihan itu ada empat:

- i. Penyembelih.
- ii. Binatang yang disembelih.
- iii. Alat untuk menyembelih.
- iv. Penyembelihan (perbuatan menyembelih).<sup>11</sup>

Setiap rukun-rukun tersebut, mempunyai syarat-syaratnya yang tertentu.

#### **1. Penyembelih**

Disyaratkan penyembelih itu hendaklah seorang Islam atau ahli kitab (yang memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang disebutkan oleh para ulama-ulama asy-Syafi'iyyah). Tiada halal sembelihan orang Majusi (penyembah api), penyembah berhala, orang murtad dan lain-lain daripada orang kafir yang tiada mempunyai kitab Agama Allah.<sup>12</sup>

#### **2. Binatang yang disembelih**

Syarat binatang yang disembelih itu ialah:

- i. Binatang darat yang halal dimakan.
- ii. Binatang itu mempunyai “*hayah mustaqirrah*” ketika mula-mula disembelih kecuali binatang yang sakit. Adapun binatang yang sakit atau kehausan tidak disyaratkan ada padanya “*hayah mustaqirrah*” ketika disembelih. Memadai sahaja ada padanya “*harakah al-madzbuh*” ketika disembelih, sekalipun sakitnya itu disebabkan oleh kerana memakan tumbuhan yang memudarangkan dengan syarat tidak terdapat padanya perkara-perkara yang boleh menyebabkannya membawa kepada maut seperti tercedera daripada pukulan, hentakan atau gigitan binatang yang boleh membawa kepada maut atau sakit yang disebabkan oleh memakan tumbuhan yang boleh membawa kepada maut.

<sup>11</sup> Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 574; Al-Jardani, *Fath al-'Allam*, Dar as-Salam, Kaherah, 1410H/1990, jil. 4, hlm. 552-553.

<sup>12</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 9, hlm. 84; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 575.

Walaubagaimanapun binatang yang terdapat padanya perkara-perkara yang boleh menyebabkannya membawa kepada maut seperti tercedera daripada pukulan, hentakan atau gigitan binatang yang boleh membawa kepada maut atau sakit yang disebabkan oleh memakan tumbuhan yang boleh membawa kepada maut, jika binatang itu disembelih ketika ia masih mempunyai “*hayah mustaqirrah*”, maka ia adalah halal dimakan sekalipun diyakini binatang itu akan mati setelah beberapa ketika jika ia tidak disembelih.

Yang dimaksudkan dengan “*hayah mustaqirrah*” itu ialah keadaan binatang yang masih bernyawa dan mempunyai pergerakan dengan kehendaknya. Antara tandatanda binatang itu mempunyai “*hayah mustaqirrah*” ialah pergerakan yang kuat, pancutan darah, suara rengekan kerongkong, terdapat kepekatan darah yang semulajadi dan yang seumpamanya selepas disembelih. Namun begitu, mengikut pendapat yang *mu’tamad* sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *rahimahullah* adalah memadai dengan adanya gerak yang kuat ketika disembelih. Manakala yang dimaksudkan dengan “*harakah al-madzbuh*” ialah keadaan binatang yang tiada lagi ada padanya penglihatan, pergerakan, suara dengan kehendaknya atau keadaan binatang dimana apabila dibiarkan dengan keadaannya yang sedemikian itu, ia akan mati dengan serta merta.<sup>13</sup>

### 3. Alat untuk menyembelih<sup>14</sup>

Disyaratkan alat untuk menyembelih itu sesuatu yang boleh memotong dengan ketajamannya selain kuku, gigi dan semua jenis tulang. Maka tidak halal binatang yang disembelih menggunakan tiga jenis alat tersebut berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Rafi‘ bin Khadij *radhiallahu ‘anhu*:

مَا أَنْهَرَ اللَّمْ وَذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ فَكُلُوا ، لَيْسَ السَّنَ وَالظُّفَرُ ، وَسَأْخِبِرُكُمْ عَنْ ذَلِكَ ، أَمَّا السَّنُ فَعَظِيمٌ وَأَمَّا الظُّفَرُ فَمُدَى الْجَبَشَةِ .

(رواه البخاري ومسلم والترمذى والنمسانى وأبو داود وأحمد)

*Maksudnya:* “Apa-apa yang dapat mengalirkan darah serta disebut nama Allah padanya (waktu menyembelih), maka boleh kamu makan, kecuali gigi dan kuku, dan aku akan khabarkan kepada kamu sedemikian itu, (kerana) gigi adalah tulang dan kuku adalah pisau orang Habsyah.”

(Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud dan Ahmad)

### 4. Penyembelihan

Disyaratkan penyembelihan itu:<sup>15</sup>

<sup>13</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 9, hlm. 98-101; Al-Bujairimi, *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala al-Manhaj*, Maktabah wa Mathba'ah Mushthafa al-Babi al-Halabi, Mesir, 1369H/1950, jil. 4, hlm. 289; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 578-583; Al-Jardani, *Fath al-'Allam*, Dar as-Salam, Kaherah, 1410H/1990, jil. 4, hlm. 553.

<sup>14</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 9, hlm. 92-93; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 273; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 568.

<sup>15</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 9, hlm. 98-100; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 270-271, 273 & 276; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar

- i. Memotong seluruh “*hulqum*” (saluran nafas) dan seluruh “*mari*” (saluran makanan dan minuman). Jika ditinggalkan sebahagian daripada *hulqum* atau *mari* itu (belum putus) dan binatang tersebut mati dalam keadaan yang demikian, maka sembelihan itu tidak dianggap sempurna dan ia dikira sebagai bangkai yang tidak boleh dimakan. Begitu juga, jika telah berhenti gerak binatang yang disembelih itu padahal *hulqum* atau *mari*nya belum putus, kemudian dipotong sekali lagi *hulqum* atau *mari*nya yang tertinggal itu, maka yang demikian itu sembelihan tersebut juga tidak dianggap sempurna dan ianya adalah dianggap bangkai yang haram dimakan.
- ii. Bermaksud untuk menyembelih ketika melakukan penyembelihan. Jika seseorang memegang pisau di tangannya dan terlepas pisau itu daripada tangannya, lalu terkena leher binatang lalu terputus seluruh “*hulqum*” dan “*mari*”nya, tidaklah dikira sebagai penyembelihan, kerana tidak ada tujuan untuk melakukan penyembelihan, maka tidak halal daging binatang tersebut.
- iii. Hendaklah binatang itu mati semata-mata disebabkan oleh penyembelihan (tidak dilakukan satu perbuatan lain yang boleh membawa maut kepada binatang itu ketika disembelih). Oleh itu, jika seseorang menyembelih binatang dan pada waktu yang sama seorang yang lain pula menyiat-nyiat perut binatang sembelihan tersebut, maka tidak halal binatang sembelihan itu kerana kematian binatang itu bukan semata-mata disebabkan oleh pemotongan *hulqum* dan *mari*nya.

Apabila telah cukup segala rukun-rukun dan syarat-syarat penyembelihan yang tersebut, maka binatang itu adalah halal untuk dimakam kecuali sembelihan yang dimaksudkan kepada selain Allah atau disebut sewaktu menyembelihnya selain nama Allah, walaupun sembelihan itu mencukupi segala rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah disebutkan. Firman Allah Ta’ala:

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْأَيْتَمَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَنِيَّةَ اللَّهِ بِهِ

(Surah Al-Nahl : 110)

**Tafsirnya:** “Sesungguhnya Allah hanya mengharam-kan ke atas kamu (memakan) bangkai, darah, daging babi, dan apa yang disebut dengan menyebut selain nama Allah.”

(Surah Al-Nahl: 115)

### Perkara-Perkara Yang Sunat Dilakukan Dalam Penyembelihan Binatang

Di antara perkara-perkara yang sunat dilakukan dalam penyembelihan binatang korban ialah:

- i. Menajamkan pisau yang akan digunakan untuk menyembelih.
- ii. Memutuskan *al-wadajan* (dua urat darah yang ada di leher) bagi tujuan mempercepatkan kematian binatang, kerana ini dikira sebagai berbuat ihsan kepada binatang. Daripada Syaddad bin Aus *radhiyallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *shallallahu alaihi wasallam* bersabda:

---

al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 567-568, 574 & 577; Al-Jardani, *Fath al-'Allam*, Dar as-Salam, Kaheran, 1410H/1990, jil. 4, hlm. 554.

إِنَّ اللَّهَ كَبَرَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ، وَلَيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفَرَتَهُ وَلَيُرِخَ ذَيْحَتَهُ.

(رواه مسلم والترمذى والنسائى وأبو داود وابن ماجه وأحمد والدارمى)

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah telah mewajibkan berbuat ihsan ke atas tiap-tiap sesuatu, lalu apabila kamu membunuh maka elokkanlah pembunuhan itu, apabila kamu menyembelih maka elokkanlah penyembelihan itu, dan hendaklah salah seorang kamu menajamkan pisauanya dan hendaklah dia memberi keselesaan kepada binatang sembelihannya.”

(Hadis riwayat Muslim, at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad dan ad-Darimi)

- iii. Membaca *basmalah* dan berselawat kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika hendak menyembelih seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

Ini adalah berdasarkan firman Allah Ta'ala:

فَلَمَّا مَرَأُوا مِمَّا ذُكِرَ آسُمُ اللَّهِ عَلَيْهِ

(سورة الأنعام : ١١٨)

**Tafsirnya:** “Maka makanlah (dari sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya.”

(Surah al-An'am: 118)

Mengikut mazhab Syafi'i, membaca *basmalah* itu bukanlah wajib, tetapi ia adalah sunat. Jika ditinggalkan dengan sengaja atau lupa oleh penyembelih, binatang sembelihan itu tetap halal dimakan. Namun sangat penting membaca *basmalah* supaya orang-orang mazhab Hanafi dapat makan daging sembelihan itu, kerana menurut mereka (mazhab Hanafi) jika bacaan *basmalah* itu ditinggalkan dengan sengaja tidak halal sembelihan tersebut dimakan.

Selain itu sunat bertakbir sebanyak tiga kali selepas atau sebelum membaca *basmalah*, iaitu:

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ.

Sunat juga dibaca bersama *basmalah* tadi doa permohonan supaya ibadat korban diterima:

اللَّهُمَّ هَذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ فَتَقْبَلُ مِنِّي .

Ertinya: "Ya Allah! Korban ini limpah kurnia daripadaMu dan hamba mendampingkan diri kepadaMu. Maka Engkau terimalah ia daripadaku."

Bacaan ketika menyembelih korban itu adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ صَلُّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
اللَّهُمَّ هَذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ فَتَقْبَلُ مِنِّي (Jik Mimbilleh antuq aurug: فتقبيل من فلان بن فلان).

**Maksudnya:** "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dan segala pujian bagi Allah, ya Allah ya Tuhan kami, kurniakanlah selawat dan salam ke atas Sayyidina Muhammad dan sekalian keluarga Baginda, ya Allah! Ini korban daripadaMu, dan kembali kepadaMu, maka mohon terima ia daripadaku (atau terima ia daripada Polan bin Polan)."

- iv. Menekan dan melalukan pisau dengan kuat dan cepat pada leher binatang yang disembelih supaya senang putus urat *halqum* dan *mari'*nya.
- v. Binatang yang panjang lehernya seperti unta, sunat disembelih di bahagian bawah leher. Manakala binatang yang pendek lehernya seperti lembu, kerbau dan kambing, sunat disembelih di bahagian atas lehernya.
- vi. Sunat disembelih unta dengan keadaan berdiri di atas tiga kaki dan salah satu kakinya diikat. Kaki yang diikat disunatkan yang di sebelah kiri.
- vii. Sunat disembelih lembu, kerbau atau kambing dengan dibaringkan binatang itu di atas tanah sebelah rusuk kirinya dengan diikat tiga kakinya dan dibiarkan satu kakinya yang di sebelah kanan bebas bergerak untuk memberikannya kerehatan ketika disembelih.
- viii. Disunatkan bagi orang yang menyembelih menghadap kiblat dan menghalakan leher binatang sembelihannya juga ke arah kiblat kerana kiblat itu adalah semulia-mulia arah.
- ix. Digiring dan dibaringkan binatang yang hendak disembelih ke tempat penyembelihan dengan selayaknya.
- x. Sunat diberi minum binatang yang akan disembelih itu sebelum ia disembelih.
- xi. Membiarkan binatang yang disembelih tanpa diapa-apakan sebaik sahaja selepas disembelih sehingga badannya sejuk.
- xii. Tidak melebihkan dalam memotong iaitu hanya memotong *halqum*, *mari'* dan *al-wadajan*.

xiii. Menyembelih binatang korban pada waktu siang.<sup>16</sup>

### Perkara-Perkara Yang Makruh Dilakukan Dalam Penyembelihan

Di antara perkara-perkara yang makruh dilakukan dalam penyembelihan binatang korban ialah:

- i. Menajamkan pisau di hadapan binatang. Ibnu ‘Abbas *radhiyallahu ‘anhu* meriwayatkan:

أَنَّ رَجُلًا أَضْحَى شَاهَ يُرِيدُ أَنْ يَذْبَحَهَا وَهُوَ يَحْدُثُ شَفَرَتَهُ ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَتَرِيدُ أَنْ تُمْتِهَا مَوْتَيْنِ ، هَلَا أَخْلَدْتَ شَفَرَتَكَ قَبْلَ أَنْ تُضْجِعَهَا؟

(رواه الطبراني والحاكم)

**Maksudnya:** “Seorang lelaki telah membaringkan kambing yang hendak disembelihnya sedang dia menajamkan pisauanya (dihadapan binatang itu). Lalu Nabi shallallahu ‘ala’ihi wasallam bersabda kepadanya: “Adakah engkau hendak mematikannya sebanyak dua kali! Bukankah (lebih baik jika) engkau menajamkan pisaumu sebelum engkau membaringkannya?”

(Hadis riwayat ath-Thabarani dan al-Hakim)

- ii. Sengaja meninggalkan membaca *basmalah* sebelum menyembelih binatang.
- iii. Menyembelih dengan pisau yang tumpul.
- iv. Menyembelih binatang di hadapan binatang lain.
- v. Memutuskan, mematahkan kepala, anggota binatang sembelihan, mengerakkannya, memindahkannya sebaik sahaja selepas penyembelihan dilakukan sebelum sejuk badannya.
- vi. Menyembelih pada waktu malam tanpa sebab yang memerlukannya, lebih-lebih lagi sembelihan korban.<sup>17</sup>

### KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah diutarakan, maka untuk mencapai ibadat korban yang diterima oleh Allah, binatang yang hendak dijadikan korban perlu memenuhi piawaian yang ditentukan oleh syara’. Bukan sebarang binatang boleh dibuat korban, tetapi ia mesti datang daripada jenis yang ditentukan, berkeadaan baik dan selamat daripada sebarang kecacatan.

<sup>16</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 383-384 & 386-387, jil. 9, hlm. 92, 97-99 & 102; Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, t.tp., t.th., jil. 4, hlm. 270-273; Asy-Syirbini, *Al-Iqna' fi hall Alfaz Abu Syuja'*, Dar al-Fikr, Beirut, 1419H/1998M, jil. 4, hlm. 427-428; Al-Bujairimi, *Tuhfah al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*, Dar al-Fikr, Beirut, 1419H/1998M jil. 4, hlm. 427-428. Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 557-558 & 575-576.

<sup>17</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th., jil. 8, hlm. 358, jil. 9, hlm. 92, 97 & 102; Al-Bakri, *Hasyiyah I'anah ath-Thalibin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002, jil. 2, hlm. 576-577.

Penyembelihannya pula mesti dilaksanakan mengikut aturan, sama ada dari segi masa, tatacara dan sebagainya. Sebagai nilai tambah, segala perkara yang disunatkan adalah elok dilaksanakan sama seberapa mampu yang boleh. Begitu juga perkara yang makruh, adalah elok ditinggalkan seberapa mampu yang boleh. Maka dengan itu ibadat korban yang dilaksanakan akan lebih sempurna dan mencapai maksudnya serta mudah diterima oleh Allah *subhanahu wa ta'ala*.

وَاللَّهُ وَكِيلُ التَّوْقِيقِ

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Abdullah bin Muhammad Basmeih. 2000M. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ats as-Sijistani. t.th. *Sunan Abi Dawud*. Arab Saudi. Bait al-Afsar ad-Dauliyah.

Ahmad, Muhammad ibn Hanbal. 1416H/1995. *al-Musnad*. 20 Jil. Kaherah: Dar al-Hadits.

Ba'asyan, Sa'id bin Muhammad. 1412H/1992. *Busyra al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husain. t.th. *as-Sunan al-Kubra*. 14 jil. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Bujairimi, Sulaiman bin 'Umar bin Muhammad. 1369H/1950. *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala al-Manhaj*. 4 Jil. Mesir: Maktabah wa Mathba'ah Mushthafa al-Babi al-Halabi.

---

1419H/1998M. *Tuhfah al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*. 4 jil. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Bukhari. Muhammad bin Ismail. 1420H/1999. *Shahih al-Bukhari*. (Dicetak bersama Fath al-Bari). 3 Jil. Arab Saudi. Bait al-Afsar ad-Dauliyah.

al-Daraquthni, 'Ali bin 'Umar. 1414H/1994. *Sunan al-Daraquthni*. 2 Jil. Beirut: Dar al-Fikr.

ad-Darimi, 'Abdullah bin 'Abdurrahman bin al-Fadhl bin Bahram. 1417H/1996. *Sunan ad-Darimi*. 2 Jil. Damsyik: Dar al-Qalam.

Ad-Dimyathi, Sayyid al-Bakri bin as-Sayyid Muhammad Syatha al-Mishri. 1422H/2002. *I'anah ath-Thalibin*. 4 Jil. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Haitami, Ahmad bin Hajar. t.th. *Tuhfah al-Muhtaj*. (Dicetak bersama *Hawasyi asy-Syarawani wa Ibnu Qasim al-'Abbadi*) 10 jil. Beirut: Dar Shadir.

al-Hakim, Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Abdullah al-Naisaburi. 1411H/1990. *al-Mustadrak 'ala al-Shahihain*. 5 Jil. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibnu Balban, 'Ali ibn al-Farisi. 1414H/1993. *Shahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*. 18 Jil. Cetakan ke-2. Beirut: Mu'assasat ar-Risalah.

Ibnu Majah. Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. t.th. *Sunan Ibnu Majah*. Arab Saudi. Bait al-Afsar ad-Dauliyah.

Al-Jardani, Muhammad Abdullah. 1410H/1990. *Fath al-'Allam*. 4 Jil. Kaherah: Dar as-Salam.

*al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. 1414H/1993. Cetakan ke-2. 33 Jil. Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah Kuwait: Dar ash-Shafwah.

Muslim bin al-Hajjaj. t.th. *Shahih Muslim*. (Dicetak bersama Syarh Shahih Muslim) Arab Saudi. Bait al-Afskar ad-Dauliyyah.

An-Nasa'i, Abu 'Abd ar-Rahman Ahmad bin Syu'aib bin 'Ali. t.th. *Sunan an-Nasa'i*. Arab Saudi. Bait al-Afskar ad-Dauliyyah.

An-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyiddin bin Syaraf. 1421H/2000M. *Al-Majmu' Syarh al-Muhadzab li asy-Syirazi*. (Tahqiq: Mahmud Mathraji). 22 jil. Beirut. Dar al-Fikr.

Ar-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah. 1414H/1993M. *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, 8 jil. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Asy-Syirbini, Muhammad al-Khatib. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. 4 jil. ttp. Dar al-Fikr.

1419H/1998M. *Al-Iqna' fi hall Alfaz Abi Syuja'*. (Dicetak bersama *Tuhfah al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*). 4 jil. Beirut. Dar al-Fikr.

Asy-Syabramallisi, Abu adh-Dhiya' Nur ad-Din 'Ali bin 'Ali. 1414H/1993M. *Hasyiah asy-Syabramallisi*. 8 jil. Beirut. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ath-Thabarani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad. t.th. *al-Mu'jam al-Kabir*. 25 jil. Mosul: Mathba'ah az-Zahra' al-Haditsah.

1405H/1985. *al-Mu'jam al-Awsath*. 11 jil. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

At-Tirmidzi, Abu 'Isa Muhammad 'Isa bin Saurah. t.th. *Jami' at-Tirmidzi*. Arab Saudi. Bait al-Afskar ad-Dauliyyah.